

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos

2010

2  $\frac{1}{4}$  jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B..*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat Halaman Sebelah

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada aktiviti yang dilakukan oleh remaja untuk mengisi lapang. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara remaja boleh memanfaatkan masa lapang. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Aktiviti-aktiviti berfaedah untuk mengisi masa lapang

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 Jam 30 minit]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Konsep Satu Malaysia yang diwara-warakan oleh Pendana Menteri kita mampu menjadi teras keharmonian hubungan masyarakat pelbagai bangsa di negara ini.

Sebagai pelajar yang bertanggungjawab, bincangkan peranan anda untuk merealisasikan hasrat tersebut.

2. Semakin maju pencapaian negara dalam bidang pembangunan, semakin merosot budaya budi bahasa masyarakatnya. Selaku wartawan sebuah akhbar tempatan, anda telah mendapatkan pandangan daripada beberapa orang tokoh budaya dan bahasa tentang punca berlakunya perkara ini untuk dimuatkan dalam akhbar syarikat anda..

Tulis rencana itu selengkapnya.

3. Kesedaran dan komitmen masyarakat amat dituntut dalam usaha kita mengurangkan kadar jenayah yang semakin meningkat khususnya dalam kalangan remaja akhir-akhir ini.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

4. Belakangan ini, penyakit yang berbahaya sangat cepat merebak dari satu negara ke satu negara yang lain.

Jelaskan cara-cara untuk mengawal penularan wabak tersebut secara global.

5. Masyarakat Melayu lama kaya dengan kehalusan berbahasa sama ada untuk memberi nasihat, menyindir maupun mengkritik. Salah satu peribahasa yang sering digunakan ialah ‘di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung’.

Tulis sebuah cerita yang lengkap berdasarkan peribahasa tersebut.

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos

2010

2 ½ jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

[Lihat Halaman Sebelah  
SULIT]

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah untuk meningkatkan integriti Polis Diraja Malaysia dan kesan terhadap usaha tersebut. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Pada tahun 2007, genaplah 200 tahun usia pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sejak diwujudkan, PDRM mula memperlihatkan pelbagai perubahan serta pengalaman suka dan duka yang sering *mencabar integritinya*. Dengan kepesatan perkembangan teknologi pada alaf ke-21, kredibiliti dan integriti PDRM sering teruji. PDRM bukan sahaja berhadapan dengan jenayah di dalam negara bahkan menerima ancaman hebat dari seluruh dunia. Seperti agensi kerajaan lain, PDRM terpaksa berhadapan dengan masalah disiplin yang melibatkan anggotanya seperti salah guna kuasa, rasuah dan jenayah. Kesan daripada masalah ini keyakinan rakyat terhadap integriti polis pada tahap yang rendah.

Salah satu kaedah praktikal untuk meningkatkan kredibiliti PDRM iaitu dengan meningkatkan kualiti modal insan melalui pendedahan pelbagai ilmu serta latihan yang berterusan dalam kalangan anggota PDRM. Selain itu, penambahan jumlah anggota PDRM sebanyak 60,000 orang daripada 97,000 orang sekarang juga berupaya meningkatkan integriti PDRM. Dengan peningkatan bilangan anggota polis ini diharapkan siasatan boleh dibuat secara cepat. Kerajaan pula wajar merestui dan membayai hasrat PDRM untuk menubuhkan universiti polis.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) kerap menerima aduan berhubung dakwaan salah laku anggota PDRM. Antara aduan yang diterima termasuklah siasatan polis yang lewat, salah guna kuasa, keganasan polis, penahanan tanpa penjelasan, kematian dalam tahanan, dan tidak membenarkan perhimpunan awam. Atas kepekaan kerajaan terhadap aduan-aduan ini maka satu Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan dan Perjalanan Pengurusan PDRM telah ditubuhkan.

PDRM juga harus mempunyai hubungan yang mesra dengan masyarakat agar memperoleh tanggapan positif daripada mereka. Orang awam perlu dibenarkan membuat aduan di tempat urusan yang mudah. Hal ini demikian kerana sebelum ini sering berlaku pengadu diarahkan ke tempat lain. Tindakan harus dikenakan kepada anggota yang menyuruh berbuat demikian.

Dalam usaha menjaga kebajikan anggota PDRM, Tan Sri Musa Hassan mengusulkan kenaikan gaji anggota PDRM sebanyak 20%. Diharapkan kenaikan gaji polis pada kadar yang setimpal dapat mengurangkan kegiatan rasuah dalam kalangan anggota polis. Beliau juga mencadangkan kaedah proses kenaikan pangkat yang baharu. Melalui kaedah baharu ini diharap dapat melahirkan pegawai yang lebih berkualiti kerana mereka perlu melalui proses kenaikan pangkat yang tulus dan “bersih.” PDRM juga perlu meningkatkan program Rakan Polis (Rakan Cop) untuk merapatkan hubungan polis dengan rakyat. Kewujudan Rakan Cop memudahkan orang awam menyampaikan maklumat melalui SMS ataupun menelefon terus pihak polis. Gandingan pihak polis dengan orang awam perlu lebih erat terjalin seperti aur dengan tebing.

(Dipetik dan diubahsuai daripada  
‘Meningkatkan Integriti PDRM’  
*Dewan Masyarakat*, Jun 2007)

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mencabar integriti*. [2 markah]
- (ii) Apakah cabaran-cabaran yang sering dihadapi oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga menggugat integritinya?

Berikan **tiga** cabaran tersebut. [3 markah]

- (iii) Pihak polis sering dikritik kerana tidak membenarkan perhimpunan awam diadakan terutamanya oleh parti-parti politik. Pada pendapat anda, apakah alasan pihak polis tidak membenarkan perhimpunan awam diadakan?

Kemukakan **empat** alasan tersebut. [4 markah]

**Soalan 2(b) - Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SAFIAH : (*Mengeluh, terdiam seketika, kemudian berkata lagi dengan harapan baru*) Kalau tak mahu masuk MCS, kenapa *you* tak masuk *Foreign Service*?

UMAR : *Foreign Service*? Buat apa?

SAFIAH : Ha, itulah susahnya kalau fikiran *you* asyik ke guru sahaja! Nak jadi guru, nak jadi guru, sampai *you* tak mahu tempat lain. *Father I* bilang kalau masuk *Foreign Service* ada can ke luar negeri. (*Memandang Umar, sedikit keanak-anakan*) *You* tak suka ke luar negeri?

UMAR : Ini bukan soal suka tak suka ke luar negeri Piah. Kalau jadi guru pun bukan tak mungkin *I* ke luar negeri.

SAFIAH : Ke luar negeri sebulan dua melawat-lawat sahaja, buat apa?

UMAR : Habis apa maksud *you*?

SAFIAH : *I* mahu duduk di luar negeri, bekerja di luar negeri. (*Memandang ke kejauhan, matanya penuh impian, bangga dan bergaya*) Di Paris, di London, di....

UMAR : (*Sinis*) Di United States, di Hollywood....

SAFIAH : (*Terhenti, menjeling masam pada Umar, terdiam seketika, tapi bersemangat semula*) Kalau *you* bercita-cita hanya nak jadi guru, tak payah masuk universiti pun *you* boleh jadi guru. Apa susahnya? Tengok, berapa banyak orang yang boleh jadi guru, tak payah pandai cakap Inggeris pun boleh jadi guru.

UMAR : (*Sedikit kesal*) *You* terlalu memikirkan diri sendiri. *I* suka jadi guru dan kita pun memang kekurangan guru.

(Dipetik daripada  
drama 'Serunai Malam'  
oleh Usman Awang dalam antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah perbezaan pandangan hidup antara Umar dengan Safiah? [2 markah]
- (ii) Jika anda sebagai Umar, bagaimanakah anda memujuk Safiah supaya merestui hasrat anda untuk menjadi guru?

Kemukakan **tiga** alasan. [3 markah]

- (ii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **dua** pengajaran yang terdapat dalam keseluruhan drama. [4 markah]

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah Hang Jebat mendengar kata Laksamana demikian, maka ia pun hairan, seraya berkata, “Hai orang kaya Laksamana, keranamulah maka aku berbuat pekerjaan ini! Pada bicaraku, engkau tiada dalam dunia ini lagi. Jika aku tahu akan engkau ada hidup, demi Allah dan Rasul-Nya, tiada aku berbuat pekerjaan ini.” Maka kata Laksamana, “Hai Si Jebat, menyesalkah engkau?” Maka kata Hang Jebat, “Hai Laksamana, sekali-kali tiada aku menyesal dan takut akan mati, tetapi aku sudah tahu akan kematianku ini pada tanganmu, di mana dapat kusalahi lagi? Tetapi tuan hamba lihatlah tikam Si Jebat derhaka ini, empat puluh hari orang Melaka membuangkan bangkai dalam negeri Melaka ini dengan tiada menderita bau busuk bangkai. *Sepala-pala jahat jangan kepalang*; kuperbuat sungguh-sungguh.” Maka sahut Laksamana, “Hai Si Jebat, tersalah citamu itu! Adapun pekerjaanmu derhaka pada tuanmu itu beberapa dosanya kepada Allah, tiada tertanggung olehmu di dalam akhirat jemah, akan sekarang engkau hendak membunuh orang yang tiada berdosa pula berpuluhan-puluhan ribu itu; benarkah bicaramu itu?” Maka kata Hang Jebat, “Apatah dayaku? Sekalian itu dengan kehendaknya juga; tiada dengan kuasaku perbuat itu, supaya namaku masyhur pada segala negeri.”

(Dipetik daripada  
‘Pertarungan Tuah dengan Jebat’  
dalam antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Terangkan maksud *sepala-pala jahat jangan kepalang* dalam petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Hang Jebat supaya namanya menjadi masyhur?
- Berikan **tiga** tindakan tersebut. [3 markah]
- (iii) Berdasarkan peristiwa penderhakaan Hang Jebat, apakah langkah-langkah yang wajar diambil untuk mewujudkan keamanan dalam sesebuah negara?
- Kemukakan **tiga** langkah tersebut. [3 markah]

**Soalan 2(d) – Puisi Melayu Tradisional**

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SYAIR KELEBIHAN ILMU**

Ilmu itulah gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat dinilaikan,  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya besar sukat digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah taulan,  
Teman berbeka suluh berjalan,  
Masa berhimpun ia pengenalan,  
Hias penyata polan si polan.  
Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur,  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramat subur.

Ia penerang jalan ke syurga,  
Ia pemua tekak yang dahaga,  
Ialah sungai ialah telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana,  
Hamparnya luas amat saujana,  
Tepinya ajal sempadannya fana.

(Dipetik daripada  
Antologi Kerusi,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah akibat pengabaian terhadap ilmu pengetahuan? [3 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, bagaimanakah masyarakat berilmu pengetahuan dapat dilahirkan?  
Kemukakan **tiga** cara tersebut. [3 markah]
- (iii) Huraikan **tiga** nilai yang terdapat dalam syair tersebut. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 3 : Pengetahuan Pemahaman dan Kemahiran Bahasa**  
[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

- (a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) menyalahi – menyalahkan  
(ii) mendasari – mendasarkan  
(iii) menghiasi – menghiaskan

[6 markah]

- (b) Tukarkan cakap ajuk di bawah kepada cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.

Cikgu Ali : Daripada apa yang saya lihat, gelagat tiga orang pelajar itu jelas bertentangan dengan tatussila sebagai pelajar sekolah.

Cikgu Siti : Saya akan mendapatkan pita video yang merakamkan gelagat ketiga-tiga orang pelajar itu.

Cikgu Ali : Kesemua ini akan kita siasat bagi mendapat gambaran sebenarnya insiden yang terjadi. Saya memandang serius terhadap kejadian yang membabitkan tingkah laku pelajar semasa di sekolah.

Cikgu Siti : Jika Jawatankuasa Disiplin puas hati bahawa tingkah laku tiga orang pelajar itu melanggar tatussila sebagai pelajar sekolah, mereka bakal berdepan dengan hukuman berat.

Cikgu Ali : Kita perlu bertindak tegas atas mana-mana pelajar yang melanggar disiplin.

Cikgu Siti : Kita akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Disiplin pada petang nanti.

[6 markah]

**SULIT**

(c) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ibu memotongkan kek itu kepada sepuluh bahagian supaya dapat diagehkan kepada anak-anak yatim itu.
- (ii) Semua calun yang akan menduduki peperiksaan SPM diminta semak angka giliran masing-masing di bilik kaunseling.
- (iii) Orang kampung lebih suka menghabiskan masa beristirehat di warung kopi Pak Ali sambil mengisikan perut mereka.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan atau istilah dan satu kesalahan tatabahas. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sistem penghawa dingin yang tidak berfungsi telah menyebabkan lima orang pekerja-pekerja syarikat itu mati ketika berada di dalam terowong yang panas.
- (ii) Pihak ibu bapa begitu murka kerana pihak sekolah tidak melaksanakan hukuman merotan mengikut prosedur yang betul.
- (iii) Kita tidak boleh bergantung kepada sektor perindustrian semata-mata oleh kerana sektor pertanian juga memainkan peranan untuk menyumbangkan pendapatan negara.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti dan kemudian catatkan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Choong dan Raju dinasihati oleh guru kaunseling itu agar berbaik-baik semula dan melupakan segala persengketaan yang wujud antara mereka.
- (ii) Zafir tidak senang duduk di dalam kelasnya, terutama selepas dia dipanggil oleh guru kelasnya masuk ke bilik pengetua.
- (iii) Sebagai ibu bapa, kita hendaklah mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni sejak kecil lagi agar mereka menjadi insan yang berguna.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**  
[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Pengarang biasanya menggunakan karya yang ditulis sebagai medan untuk menegur pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, dua teguran yang dibuat oleh pengarang  
[7 markah]
- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, bandingkan satu unsur saspens yang terdapat dalam setiap novel tersebut.  
[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH & SEKOLAH KLUSTER  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 1**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**

**[30 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>26 – 30</b> atas (28 – 30)  (26 – 27) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b><u>tepat</u></b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b><u>ungkapan yang menarik</u></b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diurail dengan jelas dan <b><u>matang</u></b>.</li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<b>20 – 25</b> atas (23 – 25)  (20 – 22) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa <b><u>luas</u></b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diurail dengan <b><u>jelas</u></b>.</li> </ul>

\*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Memuaskan</b>	<p style="text-align: center;"><b>15 – 19</b></p> <p style="text-align: center;">atas (17 – 19)</p> <p style="text-align: center;">(15 – 16) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>masih</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>masih</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Pengguna tanda baca <b><u>masih</u></b> betul dan tepat. Ejaan <b><u>masih</u></b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b><u>masih</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>masih</u></b> bervaria</li> <li>• Idea <b><u>masih</u></b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Hura idea <b><u>masih</u></b> jelas.</li> </ul>
<b>Kurang memuaskan</b>	<p style="text-align: center;"><b>10 – 14</b></p> <p style="text-align: center;">atas (12 – 14)</p> <p style="text-align: center;">(10 – 11) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>kurang</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>kurang</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b><u>kesalahan ejaan yang ketara</u></b>. Penggunaan kosa kata <b><u>terhad</u></b>.</li> <li>• Wacana <b><u>kurang</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>kurang</u></b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b><u>kurang relevan</u></b> dengan tema bahan rangsangan dan huraianya <b><u>kurang jelas</u></b>.</li> </ul>
<b>Pencapaian Minimun</b>	<p style="text-align: center;"><b>01 – 09</b></p> <p style="text-align: center;">atas (06 – 09)</p> <p style="text-align: center;">(01 – 05) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b><u>tidak</u></b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b><u>Banyak</u></b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b><u>tidak</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

## Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[100 markah]

### PERINCIAN PEMARKAHAN

#### Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

2. Jika karangan:

a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa

b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan

3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.

4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.

5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

( ) = Kesalahan isi

— = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang



= Kesalahan tanda baca

## KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
<b>1. BAHASA (Mekanis)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan           <ul style="list-style-type: none"> <li>- kata (morphologi)</li> <li>- ayat (sintaksis)</li> </ul> </li> <li>• Tanda baca</li> <li>• Ejaan</li> </ul>
<b>2. LARAS (Dinamis)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan kosa kata</li> </ul>
<b>3. IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi utama</li> <li>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)</li> <li>• Kerelevan</li> </ul>
<b>4. PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerengganan</li> <li>• Format</li> </ul>
<b>5. GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa</li> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul>

## KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b>	<b>80 – 100</b> (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis.</li> <li>• <b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> betul</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata</u></b> luas dan tepat</li> <li>• <b><u>Idea relevan</u></b> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana</u></b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa bervariasi</u></b></li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<b>KEPUJIAN</b>	<b>66 – 79</b> (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis tetapi terdapat <b><u>kesalahan yang minimum</u></b></li> <li>• <b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> betul</li> <li>• <b><u>Laras bahasa</u></b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata</u></b> luas dan tepat</li> <li>• <b><u>Idea relevan</u></b> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana</u></b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa masih</u></b> bervariasi.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa masih</u></b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	<p style="text-align: center;"><b>51 - 65</b></p> <p>(58 – 65)</p> <p>(51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <u>ayat majmuk</u> gramatis tetapi terdapat <u>kesalahan yang minimum</u>.</li> <li>• <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> masih betul.</li> <li>• <u>Laras bahasa</u> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Penggunaan <u>kosa kata umum</u>.</li> <li>• <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi <b>masih</b> jelas dan contoh <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <u>Pengolahan masih</u> menarik, dan pemerengganan <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <u>Wacana masih</u> lengkap</li> <li>• Penggunaan <u>unsur bahasa masih bervariasi</u>.</li> <li>• <u>Gaya bahasa kurang menarik</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <u>kurang berkesan</u>.</li> </ul>
MEMUASKAN	<p style="text-align: center;"><b>36 – 50</b></p> <p>(43 – 50)</p> <p>(36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> terhad.</li> <li>• Ayat <u>kurang gramatis</u>.</li> <li>• <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul tetapi terdapat <u>kesalahan yang minimum</u>.</li> <li>• <u>Laras bahasa</u> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <u>kosa kata umum</u> dan terhad.</li> <li>• <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan <b>contoh kurang</b> sesuai.</li> <li>• <u>Pengolahan kurang menarik</u>, pemerengganan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• <u>Wacana masih / kurang</u> lengkap</li> <li>• Penggunaan <u>unsur bahasa kurang</u> bervariasi.</li> <li>• <u>Gaya bahasa kurang menarik</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <u>kurang berkesan</u>.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>kata kurang tepat</b>.</li> <li>Ayat <b>tidak gramatis</b> tetapi <b>masih difahami</b>.</li> <li>Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li> <li><b>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</b> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li><b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li><b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah</b>.</li> </ul>
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li><b>Idea bercampur aduk</b> dan <b>huraian tidak jelas/ tidak berkembang</b> dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li><b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>

<u>Cara menulis</u>	K	-	Peringkat markah	<u>Contoh</u>	K	-	75
	- E	-	Mak 3 markah		- E	-	03
	- F	-	Mak 2 makah		- F	-	02

Jumlah	-	Markah bersih	<u>J</u>	-	70
--------	---	---------------	----------	---	----

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**BAHASA MELAYU – KERTAS 1  
(1103/1)**

**PANDUAN JAWAPAN**

**Bahagian A :**

**Karangan berdasarkan bahan rangsangan : Cara Remaja Memanfaatkan Masa Lapang.**

**Cadangan Isi :**

- Mengadakan aktiviti melawat sambil belajar ke tempat-tempat bersejarah.
  - Mengadakan aktiviti kemasyarakatan – membantu membersihkan persekitaran rumah.
  - Menjalankan aktiviti riadah bersama rakan/keluarga.
  - Mengulangkaji pelajaran/membaca bahan-bahan berfaedah.
- Calon boleh menambah idea-idea lain yang tiada dalam bahan rangsangan, tetapi dengan syarat mesti membincangkan idea-idea yang terdapat dalam bahan rangsangan.  
➤ Calon yang tidak langsung menyentuh idea dalam bahan rangsangan, tidak layak untuk kategori cemerlang, walaupun bahasa dan pengolahan baik.

**BAHAGIAN B :**

**Karangan Umum / Respons Terbuka**

**CADANGAN ISI BAGI SETIAP SOALAN :**

**Soalan 1 :**

Konsep Satu Malaysia yang diwara-warakan oleh Pendana Menteri kita mampu menjadi teras keharmonian hubungan masyarakat pelbagai bangsa di negara ini.

Sebagai pelajar yang bertanggungjawab, bincangkan peranan anda untuk merealisasikan hasrat tersebut.

**Format :** tiada

**Cadangan isi :**

- a) Bergaul dengan rakan pelbagai bangsa
- b) Menghormati agama dan budaya
- c) Merancang pelbagai program yang dapat memupuk perpaduan

**Soalan 2 :**

Semakin maju pencapaian negara dalam bidang pembangunan, semakin merosot budaya budi bahasa masyarakatnya. Selaku wartawan sebuah akhbar tempatan, anda telah mendapatkan pandangan beberapa orang tokoh budaya dan bahasa tentang punca berlakunya perkara ini dalam kalangan masyarakat untuk disiarkan dalam rencana pengarang akhbar tersebut..

Tulis rencana itu selengkapnya.

**Format :** Rencana

**Cadangan isi :**

- a) Kemajuan telah mendidik manusia menjadi insan yang tamak dan haloba
- b) Kesibukan dengan kerjaya menyebabkan masyarakat bersikap individualistik.
- c) Ibu bapa lebih memberikan tumpuan kepada usaha mendidik anak-anak supaya memperoleh kerjaya yang baik pada masa hadapan.
- d) Budi bahasa dianggap ketinggalan zaman/hanya milik masyarakat lama/tua
- e) Kempen budi bahasa yang dijalankan tidak serius dan tidak menyeluruh.

**Soalan 3 :**

Kesedaran dan komitmen masyarakat amat dituntut dalam usaha kita mengurangkan kadar jenayah yang semakin meningkat khususnya dalam kalangan remaja akhir-akhir ini.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

**Format :** tiada

**Cadangan isi :**

- a) Menjadi mata dan telinga kerajaan/melaporkan kepada pihak berkuasa (Rakan Cop)
- b) Menegur remaja yang terlibat secara berhemah
- c) Memaklumkan kejadian kepada ibu bapa
- d) Mengurangkan jurang komunikasi dengan remaja/mewujudkan hubungan komunikasi yang harmonis dengan remaja
- e) Memberikan kesedaran kepada golongan remaja tentang peranan mereka dalam negara
- f) Mengadakan aktiviti kemasyarakatan

**SULIT**

**Soalan 4 :**

**Soalan 4.**

Belakangan ini, penyakit yang berbahaya sangat cepat merebak dari satu negara ke satu negara yang lain.

Jelaskan cara-cara untuk mengawal penularan wabak tersebut secara global.

**Format** : Tiada

**Cadangan isi**

Cara-cara mengawal penularan

- a) Perkongsian maklumat tentang penyakit antara negara
- b) Mengehadkan pergerakan rakyat antara negara
- c) Memakai topeng mulut sekiranya terpaksa bergerak antara negara
- d) Pemeriksaan tahap kesihatan pelancong di pintu masuk di seluruh negara
- e) Kerjasama antara negara dalam menyediakan vaksin pencegahan
- f) Melancarkan kempen kesedaran tentang bahaya penyakit berjangkit di seluruh dunia oleh WHO.

**Soalan 5 :**

Masyarakat Melayu lama kaya dengan kehalusan berbahasa sama ada untuk memberikan nasihat, menyindir maupun mengkritik. Salah satu peribahasa yang sering digunakan ialah ‘di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung’.

Tulis sebuah cerita yang lengkap berdasarkan peribahasa tersebut.

**Format :** tiada

**Cadangan isi :**

- a) Pelajar dapat menyediakan sebuah cerita yang berkaitan dengan peribahasa di atas yang bermaksud seseorang hendaklah cepat menyesuaikan diri dengan cara kehidupan dan budaya sesuatu tempat kita berada/tinggal.

**SKEMA JAWAPAN TAMAT**

**SULIT**



**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN KLUSTER  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak

*Markah penuh Kertas Dua ialah 110 markah*

### Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

(a)	Isi	-	20 markah
(b)	Bahasa	-	10 markah

(a) **Nota :**

- i. Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.

- kata nama khas
- perkataan berganda
- kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan gelaran

- ii. Kira dan **tanda** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.  
 iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.  
 iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
<b>Jumlah Markah</b>										20

**Bahasa [10 Markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti jadual berikut:

<b>Peringkat</b>	<b>Markah Isi</b>	<b>Markah Bahasa</b>	<b>Huraian Bahasa</b>
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 8	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik.</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas.</li> <li>- Tanda baca / ejaan betul.</li> </ul>
Sederhana	2 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik.</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan.</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan.</li> <li>- Tanda baca / ejaan juga memuaskan.</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan.</li> </ul>

**Nota :**

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataannya kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum:10 markah**]

**Soalan 1: Rumusan**  
[30 markah]

**PANDUAN PEMARKAHAN  
BAHASA MELAYU – KERTAS 2 SET 2**

**Pengenalan**

Petikan membincangkan usaha-usaha/tindakan-tindakan untuk memperhebat keutuhan Polis Diraja Malaysia. (2m)

**Isi-isi tersurat**

- |   |   |      |
|---|---|------|
| 1 | Meningkatkan kualiti modal insan melalui pendedahan pelbagai ilmu serta latihan.              | (2m) |
| 2 | Penambahan jumlah anggota PDRM sebanyak 60,000 orang.   | (2m) |
| 3 | Kerajaan pula wajar merestui dan membiayai hasrat PDRM untuk menubuhkan universiti polis.     | (2m) |
| 4 | Menubuhkan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan dan Perjalanan Pengurusan PDRM telah ditubuhkan. | (2m) |
| 5 | PDRM juga harus mempunyai hubungan yang mesra dengan masyarakat.                              | (2m) |
| 6 | Orang awam perlu dibenarkan membuat aduan di tempat urusan yang mudah.                        | (2m) |
| 7 | Ketua Polis Negara mengusulkan kenaikan gaji anggota PDRM sebanyak 20%.                       | (2m) |
| 8 | Mencadangkan kaedah proses kenaikan pangkat yang tulus dan “bersih.”                          | (2m) |
| 9 | PDRM juga perlu meningkatkan program Rakan Polis (rakan cop)                                  | (2m) |

**Isi-isi tersirat**

- |   |  |       |
|---|--|-------|
| 1 | Keyakinan masyarakat terhadap PDRM akan meningkat. | (2m)  |
| 2 | Undang-undang negara akan dapat ditegakkan.        | (2m). |
| 3 | Menarik minat masyarakat untuk menyertai PDRM.     | (2m). |
| 4 | Keamanan negara akan lebih terjamin.               | (2m)  |
| 5 | Salah laku anggota polis akan berkurangan.         | (2m)  |

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, Setiap anggota polis perlu mempunyai komitmen untuk menjalankan tugas agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. (2m)

**Soalan 2: Pemahaman**  
**Soalan 2**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah  
 Soalan 2(b) : **9** markah  
 Soalan 2(c) : **8** markah  
 Soalan 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
-Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup + ayat gramatis (ICAG)	<b>2</b>
-Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup (IXC, AG)	<b>1</b>
-Jawapan tidak tepat/salah	<b>0</b>

2. Soalan 3 markah

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
-Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis (ICAG)	<b>3</b>
-Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis (IC, AXG)	<b>2</b>
-Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis (IXC, AG)	<b>2</b>
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis (IXC, AXG)	<b>1</b>
-Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugasan ayat gramatis .	<b>0</b>

3. Soalan 4 markah

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
-Isi cukup dan relevan dengan tugasan dan ayat gramatis (ICAG)	<b>4</b>
-Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis (IC, AXG)	<b>3</b>
-Isi tidak cukup /kurang relevan tetapi ayat masih gramatis (IXC, AG)	<b>2</b>
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis (IXC, AXG)	<b>1</b>
-Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	<b>0</b>

**Soalan 2(a) Petikan Umum**

- (i) **Maksud rangkai kata** *mencabar integriti*  
mempersoalkan / mempertikaikan keutuhan / kewibawaan 2m  
**[maksimum 2 markah]**

(ii) **Tiga cabaran yang dihadapi oleh PDRM.**  
- Berhadapan dengan masalah jenayah di dalam negara bahkan menerima ancaman hebat dari seluruh dunia 1m  
- masalah disiplin yang melibatkan anggotanya seperti salah guna kuasa, rasuah dan jenayah. 1m  
- Masalah keyakinan rakyat terhadap integriti polis pada tahap yang rendah. 1m  
**[maksimum 3 markah]**

(iii) **Pada pendapat saya, empat alasan tidak membenarkan perhimpunan:**  
- Menjaga ketenteraman awam agar tidak berlaku sebarang rusuhan. 1m  
- Mengganggu perjalanan lalu lintas sehingga menyebabkan kesesakan. 1m  
- Memberikan gambaran buruk kepada masyarakat luar. 1m  
- Bimbang ada pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan untuk menghasut masyarakat. 1m  
- Membazirkan masa pihak polis untuk memantau perjalanan perhimpunan. 1m  
**(terima mana-mana jawapan lain yang sesuai)** **[maksimum 4 markah]**

### **Soalan 2(b) Petikan Drama**

- (i) **Perbezaan pandangan hidup antara Umar dengan Safiah**

  - Umar hendak berkhidmat sebagai guru di dalam negaranya. 1m
  - manakala Safiah hendak hidup di luar negara. 1m

[maksimum : 2 markah]

(ii) **Tiga alasan yang saya berikan kepada Safiah, jika saya sebagai Umar :**

  - Kerjaya sebagai guru dianggap sebagai pekerjaan yang mulia. 1m
  - kerjaya itu dapat mendidik anak-anak bangsa. 1m
  - dapat mengubah nasib sesuatu kelompok masyarakat seperti masyarakat luar bandar 1m
  - dapat melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan. 1m

(terima mana-mana jawapan lain yang sesuai) [maksimum : 3 markah]

(iii) **Dua pengajaran dalam petikan :**

  - Setiap anggota masyarakat hendaklah mengutamakan keperluan anak bangsa daripada keperluan nafsu sendiri. 1m
  - kita hendaklah berpendirian tegas khususnya dalam menjayakan aspirasi negara. 1m

**Dua pengajaran dalam keseluruhan drama:**

  - kita hendaklah mengamalkan corak hidup berlandaskan budaya Timur. 1m
  - golongan muda mestilah mempunyai semangat patriotis yang tinggi. 1m

(terima mana-mana jawapan lain yang sesuai) [Maksimum : 4 markah]

**Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik**

- (i) **Maksud frasa *sepala-pala jahat jangan kepalang***  
 sekiranya menderhaka/melakukan perbuatan yang buruk hendaklah melakukannya berterusan/sampai kesudahan/tidak berhenti separuh jalan 2m  
**[maksimum 2 markah]**
- (ii) **Tiga tindakan yang dilakukan oleh Hang Jebat ...**  
 - Hang Jebat menuntut bela atas kematian Hang Tuah. 1m  
 - Hang Jebat menderhaka kepada Sultan Melaka. 1m  
 - Hang Jebat membunuh berpuluhan-puluhan ribu orang yang tidak berdosa. 1m  
**[maksimum : 3 markah]**
- (iii) **Pada pandangan saya, tiga langkah mewujudkan keamanan...**  
 - pemerintah hendaklah adil/menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang. 1m  
 - rakyat hendaklah bertindak mengikut saluran undang-undang/tidak bertindak sendiri/terburu-buru. 1m  
 - mahkamah hendaklah menjadi tempat menyelesaikan masalah. 1m  
 - penderhaka hendaklah dihapuskan/dihukum mati supaya menjadi pengajaran kepada orang lain. 1m  
**(terima mana-mana jawapan lain yang sesuai) [maksimum : 3 markah]**

**Soalan 2 (d) Petikan Puisi**

- (i) **Akibat pengabaian ilmu pengetahuan ...**  
 - akan menyebabkan kehidupan manusia tidak sejahtera. 1m  
 - manusia sentiasa menghadapi masalah. 1m  
 - manusia akan dipandang rendah. 1m  
**[Maksimum : 3 markah]**
- (ii) **Pada pandangan saya, tiga cara masyarakat berilmu dapat dilahirkan...**  
 - menyediakan pendidikan secara berterusan. 1m  
 - memupuk budaya ilmu dalam kalangan masyarakat. 1m  
 - menggalakkan penerokaan ilmu dalam pelbagai bidang. 1m  
**(terima mana-mana jawapan lain yang sesuai) [maksimum : 3 markah]**
- (iii) **Tiga nilai murni yang terdapat dalam syair ...**  
 - nilai kerajinan, iaitu kerajinan menuntut ilmu. 1m  
 - nilai kebijaksanaan, iaitu kebijaksanaan kerana berilmu. 1m  
 - nilai keyakinan, iaitu meningkatkan keyakinan manusia yang berilmu. 1m  
**[Maksimum : 3 markah]**

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**  
**Soalan 3**

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a)	:	6 markah
Soalan 3(b)	:	6 markah
Soalan 3(c)	:	6 markah
Soalan 3(d)	:	6 markah
Soalan 3(e)	:	6 markah

**Perhatian bagi Soalan 3 (a)**

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa/ tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan diguna dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak  $\frac{1}{2}$  **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

**Soalan 3(a) : Bina ayat**

*Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan kata di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- i) (a) menyalahi 1m
1. tidak mematuhi peraturan (undang-undang dsb), bersalah dgn:  
*adinda tiada mahu menyerangi tempat orang, ~ adat; unsur-unsur luar ini telah banyak ~ hukum morfologi;*
  2. tidak menyetujui, membantah, menentang:  
*Pateh itu orang besar, siapa dapat akan ~ katanya;*
  3. tidak menepati (janji dll);
- (b) menyalahkan 1m
1. menganggap salah:  
*aku tidak mahu ~ sesiapa, baik pun engkau;*
  2. menangkis (tikaman, pukulan, dll), mengelakkan:  
*ia pun melompat ~ tikaman orang itu;*
  3. menyangkal (tuduhan dll), tidak mengakui;

- ii) (a) mendasari 1m
1. menjadi dasar atau asas kpd:  
*konflik antara Hang Tuah dgn Hang Jebat yg ~ drama ini adalah cukup dramatik; kita akan dapat melihat ideologi yg ~ penulisannya;*
- (b) mendasarkan 1m
1. menggunakan (memakai) sbg dasar:  
*perkahwinan harus didasarkan pada cinta dan kasih sayang;*
- iii) (a) menghiasi 1m
1. menyebabkan kelihatan lebih cantik atau elok:  
*nasi adap-adapan yang dihiasi emas pun diangkat oranglah ke hadapan baginda; lampu berwarna-warni ~ rumahnya; senyuman yang manis ~ wajahnya;*
- (b) menghiasi 1m
1. mencantikkan (mengindahkan) dgn sesuatu:  
*dia ~ sebutir kerongsang pada bajunya;*

**[Maksimum : 6 markah]**

### Soalan 3(b) : Tukar cakap ajuk kepada cakap pindah

- (b) Cikgu Ali menyatakan bahawa gelagat tiga pelajar itu jelas bertentangan dengan tatasusila sebagai pelajar sekolah. **(1m)** Cikgu Siti menyatakan bahawa beliau akan mendapatkan pita video yang merakamkan gelagat ketiga-tiga pelajar tersebut. **(1m)** Cikgu Ali menjelaskan bahawa kesemua itu akan disiasat bagi mendapat gambaran sebenarnya insiden yang terjadi. Beliau menjelaskan bahawa pihaknya memandang serius kejadian membabitkan tingkah laku pelajar di sekolah. **(1m)** Cikgu Siti menjelaskan bahawa jika Jawatankuasa Disiplin berpuas hati tentang tingkah laku tiga pelajar tersebut melanggar tatasusila sebagai pelajar sekolah, mereka bakal berdepan hukuman berat. **(1m)** Cikgu Ali menjelaskan bahawa pihaknya perlu bertindak tegas terhadap mana-mana pelajar yang melanggar disiplin. **(1m)** Cikgu Siti menyatakan bahawa pihaknya akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Disiplin pada petang nanti. **(1m)**

**[Maksimum : 6 markah]**

**Soalan 3(c) : Kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan imbuhan**

- |       |                            |   |                         |
|-------|----------------------------|---|-------------------------|
| (i)   | memotongkan<br>diagehkan   | - | memotong<br>diagihkan   |
| (ii)  | calun<br>semak             | - | calon<br>menyemak       |
| (iii) | beristirehat<br>mengisikan | - | beristirahat<br>mengisi |

**[Maksimum : 6 markah]****Soalan 3(d) : Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa.**

- |       |                                    |   |                           |
|-------|------------------------------------|---|---------------------------|
| (i)   | penghawa dingin<br>pekerja-pekerja | - | pendingin hawa<br>pekerja |
| (ii)  | murka<br>merotan                   | - | marah<br>rotan            |
| (iii) | kepada<br>kerana                   | - | pada<br>sebab             |

**[Maksimum : 6 markah]****Soalan 3(e) : Tiga peribahasa yang menggambarkan ayat yang diberikan.**

- |       |   |    |
|-------|---|----|
| (i)   | buang yang keruh ambil yang jernih                | 2m |
| (ii)  | umpama duduk di atas daun/seperi duduk dalam duri | 2m |
| (iii) | melentur buluh biarlah daripada rebungnya         | 2m |

**[Maksimum : 6 markah]**

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.  
iii) Beri 1 markah untuk 1 isi – keistimewaan novel  
iv) Beri 1 markah untuk 1 sebab/alasan .  
v) Markah bagi 2 isi - maksimum 4 markah.  
vi. Markah bahasa maksimum 3 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi.  
vii) Markah bahasa diberi seperti berikut:  
    Baik                 = 3 markah  
    Sederhana          = 2 markah  
    Lemah               = 1 markah  
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.  
ix) Calon tidak menjawab = 0 markah.

[Maksimum: 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.  
iii) Jawapan mesti meliputi sekurang-kurangnya satu tema bagi setiap novel.  
iv) Aspek Pemarkahan – Berikan 1 markah untuk 1 tema bagi setiap novel  
    - Berikan 2 markah untuk contoh / huraihan yang lengkap / jelas  
    - Berikan 1 markah untuk contoh / huraihan yang tidak lengkap / jelas  
    - Maksimum markah setiap isi = 3 markah  
v) Huraian tanpa menyatakan tema novel = 0 markah  
vi) Markah isi maksimum = 6 markah  
vii) Markah bahasa maksimum = 2 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi  
viii) Markah bahasa diberi seperti berikut:  
    Baik       = 2 markah  
    Lemah      = 1 markah  
ix) Jika calon menjawab dan markah isi = 0, berikan 1 markah untuk bahasa.  
x) Calon tidak menjawab = 0 markah

[Maksimum: 8 markah]

**Peringatan: Sila sesuaikan skema jawapan mengikut zon masing-masing.**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
- (ii) *Perlumbaan Kedua* karya Marwillis Hj Yusof
- (iii) *Di hadapan Pulau* karya A. Samad Said
- (iv) *Bukit Kepung* karya Ismail Johari
- (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
- (vi) *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) *Julia* karya Abu Hassan Morad
- (viii) *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Hj. Muhammad

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (a) Pengarang biasanya menggunakan karya yang ditulis sebagai medan untuk mengkritik pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, dua kritikan yang dibuat oleh pengarang.

[7 markah]

Novel	Teguran penulis terhadap masalah sosial masyarakat	Contoh
Bukit Kepong	1. Sikap sesetengah ibu bapa yang tidak mahu membenarkan anak mereka untuk menyertai pasukan keselamatan kerana takut akan berlaku kemalangan.	a) Ibu dan bapa Othman menentang hasrat Othman untuk menjadi polis pada peringkat awalnya.
	2. Sikap sebilangan anggota masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap negara mereka.	b) Lek Tuan dan pengganas komunis yang telah mengganggu ketenteraman hidup penduduk di Kampung Bukit Kepong.
	3. Sikap segelintir masyarakat yang mudah dipujuk untuk melakukan pembelotan terhadap negara dengan cara menyokong perjuangan pihak-pihak tertentu.	c) Sikap Madera yang sanggup bersama-sama pengganas komunis menyerang Balai Polis Bukit Kepong.
Di Hadapan Pulau	1. Sikap manusia yang sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk meneruskan kehidupan.	a) Rosiah sanggup menggadai maruah diri untuk mencari sesuap nasi.
	2. Sikap manusia yang hanya serius mengamalkan ajaran agama apabila berhadapan dengan kesulitan.	b) Sebelum peperangan manusia memandang remeh soal agama, tetapi ketika perang berlaku, manusia meminta pertolongan Allah dengan berdoa dan menunaikan perintahNya.
	3. Sikap manusia yang tidak memikirkan kesan perceraian	c) Aziz dan Afidah terpaksa tinggal dengan datuknya Tuk Marzuki, sedangkan ibu dan

	terhadap anak-anak.	ayah kandung-nya bersikap tidak peduli.
<b>Novel</b>	<b>Teguran penulis terhadap masalah sosial masyarakat</b>	<b>Contoh</b>
Terminal Tiga	1. Sikap seorang ayah yang tidak bertanggungjawab.	a) Ayah Rimpa telah meninggalkan kampung halamannya lebih 10 tahun tanpa memberi nafkah kepada keluarganya.
	2. Sikap masyarakat yang begitu mudah terpengaruh dengan hasutan orang tanpa menyiasat latar belakang orang itu terlebih dahulu.	b) Ruzaini terpengaruh dengan pujukan pendakwah yang datang ke kampungnya menyebabkan dia mengikuti pendakwah itu meninggal-kan kampung halamannya.
	3. Sikap masyarakat yang malas dan suka meminta-minta	c) Rimpa terpaksa meminta biasiswa untuk membiayai pengajiannya disebabkan dirinya yang tidak berwang.
Perlumbaan Kedua	1. Sikap masyarakat tidak pernah berpuas hati dengan kelebihan orang lain.	a) Arnab putih tidak berpuas hati terhadap kekalahan kaumnya berlumba dengan kura-kura suatu ketika dahulu lantas mencabar Tuk Kura untuk berlumba sekali lagi.
	2. Sikap masyarakat yang tidak menghormati orang yang lebih tua / pemimpin	b) Anak buah Tuk Kura bukan sahaja tidak mendengar nasihat Tuk Kura, malahan mendera dan memulaukan Tuk Kura.
	3. Sikap tidak jujur dalam menghadapi persaingan.	c) Untuk memenangi perlumbaan, Arnab Putih sanggup mengupah Sang Tedung untuk mengawasi gerak-geri Tuk Kura dan strategi yang dirancang.
Konserto Terakhir	1. Sikap masyarakat Melayu yang mementingkan pangkat dan darjah sehingga sanggup menghina orang lain.	a) Datin Salmah menghina Hilmi yang merupakan anak saudara suaminya semata-mata kerana Hilmi miskin.
	2. Sikap masyarakat yang sentiasa sibuk sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarganya.	b) Datin Salmah sentiasa sibuk dengan tugas sosial bersama kawan-kawannya sehingga tiada masa untuk menguruskan hal rumah tangga.
	3. Sikap masyarakat yang mementingkan kemewahan hidup.	c) Akibat berasa terkonkong oleh tugas suri rumah, Azizah bertindak nekad meninggalkan rumah.
Seteguh Karang	1. Sikap masyarakat yang suka menjaga tepi kain orang.	a) Kak Sofia dan Kak Maznah suka mengambil tahu akan hubungan antara Awanis dengan Wan Asri.
	2. Sikap pekerja yang gemar membuang masa dan malas bekerja	b) Kakitangan pejabat Perhubungan Peladan Hulu Paka, Terengganu banya menghabiskan masa dengan berbual-bual kosong dan membaca akhbar.
	3. Sikap masyarakat yang masih mempercayai perkara-perkara yang karut / khurafat.	c) Encik Lim percaya bahawa anaknya, Swee Ling (Anita) ialah anak sial yang menyebabkan perniagaannya merosot.

--	--	--

Novel	Teguran penulis terhadap masalah sosial masyarakat	Contoh
Julia	1. Sikap masyarakat yang tamak dan mementingkan diri sendiri.	a) Encik Baharom mencadangkan BMPRO Transport Sdn. Bhd. dijual kerana dia akan mendapat faedah daripada penjualan syarikat tersebut.
	2. Sikap masyarakat remaja yang mudah terjebak dalam masalah sosial keruntuhan akhlak.	b) Julia bersama teman-temannya seperti Rashid, Muna, Jef dan lain-lain yang hidup berfoya-foya dan bergaul bebas sebelum dia ke HIC. Malah Rashid akhirnya ditahan kerana terlibat dengan dadah.
	3. Sikap masyarakat yang suka bertindak mengikut perasaan.	c) Syed Mustaffa sanggup memarahi Julia dan menuntut agar Butik BMPRO Sdn. Bhd. Diserahkan kepadanya, sedangkan butik itu adalah milik Julia dan adik-adiknya.
Putera Gunung Tahan	1. Sikap segelintar masyarakat Melayu yang sanggup mengkhianati bangsa dan tanah air.	a) Ada orang Melayu yang belot dan menyokong penjajah Inggeris seperti dalam perjuangan menentang penjajah di Pahang.
	2. Sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tiada belas kasihan terhadap orang lain.	b) Perempuan tua ditinggalkan seorang diri di dalam hutan ketika sakit hendak bersalin.
	3. Sikap masyarakat yang sanggup melakukan maksiat dan melanggar perintah agama.	c) Tengku Aisyah bebes bergaul dengan lelaki menyebabkan akhirnya dia mengandung walaupun belum bernikah.

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, bandingkan satu unsur saspens yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

Novel	Peristiwa	Unsur Saspens
Bukit Kepong	1. Ketika penganas komunis menyerang Rumah Pasung Bukit Kepong.	• Pembaca tertanya-tanya sama ada anggota polis mampu mempertahankan rumah pasung itu atau sebaliknya.
	2. Semasa Lektuan menawan basa yang dinaiki penumpang-penumpang lain.	• Pembaca tertanya-tanya apakah yang akan dilakukan oleh pihak komunis terhadap mereka.
Di Hadapan Pulau	1. Ketika Afidah dan Aziz berlari-lari keluar sambil menangis shelter dibom oleh pihak musuh.	• Pembaca tertanya-tanya sama ada Tuk Marzuki masih selamat atau sebaliknya.
	2. Apabila Tuk Marzuki telah meninggal dunia.	• Pembaca tertanya-tanya nasib yang akan menimpa Afidah kerana selama ini Tuk

		Marzukilah satu-satunya waris yang menjaganya selepas perceraian ibu bapanya.
--	--	---

Novel	Peristiwa	Unsur Saspens
Terminal Tiga	1. Ketika Rimpa menumpang di rumah Kak Naspara dan menanti kepulangan Bang Maily. 2. Kesanggupan Ruzaini meninggalkan keluarga untuk mengikuti pendakwah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembaca tertanya-tanya sama ada Rimpa dapat bertemu dengan Bang Maily sebelum dia pulang ke Nabawan.</li> <li>Pembaca tertanya-tanya tentang kesudahan nasib gadis itu kerana pendakwah itu tidak dikenali oleh keluarganya.</li> </ul>
	1. Ketika Tuk Kura didera oleh kaumnya kerana tidak berpuas hati dengan corak latihannya. 2. Tuk Kura belum muncul sedangkan waktu perlumbaan kedua hampir bermula.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembaca tertanya-tanya samada Tuk Kura akan meneruskan pertandingan menentang Arnab Putih sedangkan kaumnya sendiri telah menyepak dan menerajangnya.</li> <li>Sang Gajah berasa bimbang tentang hukuman yang bakal diterima oleh kaum kura-kura. Pembaca tertanya-tanya sama ada Tuk Kura akan datang dan berlumba dengan Arnab Putih pada hari tersebut.</li> </ul>
Konserto Terakhir	1. Ketika Hilmi tinggal di rumah Datin Salmah dan Datuk Johari. 2. Hilmi jatuh sakit pada malam sepatutnya dia memimpin Pertunjukan Orkes Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembaca ingin tahu apakah usaha yang bakal dilakukan oleh Datin Salmah untuk menyingkirkan Hilmi dari rumah tersebut.</li> <li>Pembaca tertanya-tanya apakah persembahan tersebut dapat dijalankan tanpa kehadiran Hilmi.</li> </ul>
	1. Ketika Anita lari dari rumah setelah bergaduh dengan Kak Maysarah. 2. Ketika Anita menyatakan ingin bertemu dengan ibu dan bapa kandungnya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembaca ingin mengetahui nasib Anita seterusnya dan sebab-sebab Kak Maysarah menghalau Anita.</li> <li>Pembaca tertanya-tanya sama ada Anita akan diterima oleh ibu dan bapa kandungnya atau tidak.</li> </ul>
Julia	1. Ketika Julia diberitahu bahawa ibu bapanya terlibat dalam satu kemalangan jalan raya. 2. Kehadiran Jun di tanah perkuburan ibu bapa Julia dengan berpakaian baju Melayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembaca tertanya-tanya tentang nasib yang menimpa ibu bapa Julia setelah dia dan adakah Julia sempat menemui ibu bapanya.</li> <li>Julia dan pembaca tertanya-tanya mengapa Jun seorang pemuda berbangsa Cina tiba-tiba memakai baju Melayu di perkuburan ibu bapanya.</li> </ul>
	1. Ketika majlis perkahwinan Tuan Robert dengan gadis Sakai. 2. Tuan Robert dan Tuan William mendaki Gunung Tahan dalam keadaan cuaca yang buruk.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembaca tertanya-tanya sama ada Tuan Robert berjayamengejar dan mengahwini gadis tersebut</li> <li>Pembaca ingin mengetahui sama ada usaha mereka berjaya atau tidak di samping ingin mengetahui punca kehilangannya.</li> </ul>
Putera Gunung Tahan		

